

23 MAR 2001

Langkawi Status (Fokus Berita)

PELANCONGAN MENYUMBANG KEPADA KENAIKAN STATUS MAJLIS PERBANDARAN

Oleh: Noor Hammad Wariman dan Zulkafli Ibrahim

LANGKAWI, 22 Mac (Bernama) -- Kenaikan status Majlis Daerah Langkawi kepada Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan secara tidak langsung hasil sumbangan industri pelancongan yang menjadi nadi penggerak pulau peranginan ini.

Walaupun di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Langkawi perlu mempunyai 100,000 penduduk untuk mendapat status Majlis Perbandaran tetapi jika diambilkira purata lebih sejuta pelancong yang melawat Langkawi setiap tahun sejak 1995, MPL secara tidak langsung memenuhi prasyarat itu kerana perlu menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada jumlah orang sebesar itu.

Penduduk Langkawi kini dianggarkan berjumlah 70,000 orang.

Apapun, pelbagai persiapan kini diatur untuk hari bersejarah pengisytiharan Langkawi Bandaraya Pelancongan oleh Sultan Kedah esok selepas status Majlis Perbandaran Langkawi diwartakan pada 6 Dis tahun lepas.

Sejarah Majlis Perbandaran Langkawi bermula sebelum perang dunia kedua dengan penubuhan 'Sanitary Board' untuk mentadbir Langkawi yang mempunyai gugusan 99 buah pulau yang kemudiannya ditukar kepada pengurusan 'Town Board' pada 1945 semasa pentadbiran Inggeris.

Bekas Perdana Menteri Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj adalah antara Yang Dipertua lembaga itu yang berkhidmat dari 8 Feb 1933 hingga 25 Mei 1934 semasa menjadi Pegawai Daerah pulau ini.

Seramai 27 orang pegawai daerah termasuk Tunku Abdul Rahman telah menerajui pimpinan pihak berkuasa tempatan itu sejak ia diwujudkan dan antara mereka yang pernah memberikan khidmat di sini ialah Setiausaha Kerajaan Kedah Datuk Paduka Ismail Shafie (1 Okt 1979 hingga 31 Okt 1983).

Seiring dengan keperluan perkhidmatan, pada tahun 1976 statusnya ditukar kepada Majlis Daerah Kerajaan Tempatan (MDKT).

Dengan pembangunan pesat Langkawi, MDKT dinaikkan taraf kepada Majlis Daerah Langkawi (MDL) pada 29 April 1987. Langkawi diberi status pulau bebas cukai pada tahun yang sama.

Pada awal penubuhan pihak berkuasa tempatan itu, ia mempunyai bilangan pekerja yang kecil seramai 11 orang termasuk dua dalam bahagian perkeranian untuk memberi pelbagai perkhidmatan.

Kini ia mempunyai 299 kakitangan dengan 199 daripadanya merupakan kakitangan sementara dan kontrak.

Pada waktu itu, kebanyakan kerja-kerja menggunakan tenaga empat kerat manusia tetapi kini MPL mempunyai pelbagai mesin dan jentera untuk melaksanakan peranan dengan setengah daripadanya cuma dimiliki Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Ipoh.

Kemampuan perkhidmatan berhubung kerja-kerja pembersihan oleh MPL telah mendapat perhatian beberapa pihak berkuasa tempatan negara jiran termasuk Surathani dan Phuket di Thailand yang berminat mempelajari kaedah itu dengan menghantar kakitangannya berlatih di sini.

Penggunaan lebih banyak jentera daripada tenaga pekerja didapati lebih baik dalam meningkatkan tahap kebersihan dan perkara itu pernah diakui oleh Somchat Praditphorn, Presiden Daerah Surathani yang mempunyai kira-kira 800,000 penduduk.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Datuk Ismail Hamid berkata kenaikan taraf Majlis Daerah kepada MPL tidak akan membawa apa-apa perubahan pada kadar atau perkhidmatan yang membabitkan orang ramai.

"Jika orang ramai mendengar perkara yang beza, ia cuma khabar angin dan mereka tidak perlu bimbang kerana semuanya kekal seperti biasa", katanya.

Selain pengekalan kadar sedia ada, kenaikan taraf juga tidak akan mengubah bilangan dan pembahagian kuota ahli majlis yang pada masa ini yang terdiri daripada sembilan ketua jabatan dan lima wakil parti politik.

Beliau menjangka pentadbiran di bawah Majlis Perbandaran akan menyaksikan perkhidmatannya diperluaskan selain penyertaan lebih ramai kakitangan professional khususnya jurutera, arkitek, perancang bandar dan pegawai kesihatan.

Dengan status baru itu, lokasi yang sesuai untuk pusat pentadbiran telah dikenal pasti untuk mentadbir Langkawi sebagai destinasi pelancongan terkemuka di masa depan.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Daerah Langkawi Mansor Haji Ismail berkata, MDL telah menjadi institusi yang terunggul dan dikenali di seluruh dunia.

"Penghargaan perlu diberi kepada arkitek negara iaitu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjadi "penggerak utama" kepada pembangunan pesat di pulau peranginan ini," katanya.

Sementara itu, beberapa pekerja dan pesara MDL yang ditemui bangga dengan kenaikan status itu dan berharap Langkawi akan lebih pesat membangun.

Bekas mandur, Harun Ibrahim, 61, dari Kampung Padang Lalang Kuah di sini berkata ia seolah-olah mimpi yang menjadi kenyataan kerana Langkawi daripada sebuah pulau terpencil kini menempa namanya sebagai destinasi pelancongan antarabangsa.

"Bayangkan susah payah kakitangan masa dulu memberikan perkhidmatan menggunakan tenaga empat kerat tetapi kini sudah banyak jentera canggih digunakan", katanya.

Seperti Melaka yang dikenali sebagai Bandaraya Bersejarah, perubahan status itu diharap bukan sahaja "mencuri tumpuan" masyarakat khususnya pelancong bagi merencanakan pembangunan Langkawi tetapi dapat menggerakkan kakitangan pihak berkuasa tempatan itu untuk memberikan perkhidmatan sebaik mungkin.

-- BERNAMA

ZI NH PR